

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMOR]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (Khamis)

SOALAN

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan kereta api ETS (Ipoh ke Kuala Lumpur) dalam tahun 2013 hingga 2014. Adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kereta api ETS agar lebih ramai penumpang dapat menggunakan perkhidmatan kereta api ETS tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penumpang ETS dari Januari hingga Ogos 2014 adalah seramai 1,101,317 orang penumpang. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan jumlah penumpang bagi tempoh yang sama pada tahun 2013 iaitu 995,264 orang penumpang. Peningkatan kualiti perkhidmatan ETS khususnya keboleharapan tren-tren kuasa elektrik yang telah dibeli oleh Kerajaan telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan perkhidmatan ini.
2. Jumlah peningkatan perkhidmatan penumpang akan seterusnya ditambah baik lagi apabila projek Landasan Berkembar Elektrik dari Ipoh ke Padang Besar siap sepenuhnya kelak. Sejumlah 10 unit tren elektrik tambahan telahpun dibeli dan kini dalam proses pemasangan.
3. Penambahbaikan-penambahbaikan ini dijangka akan terus meningkatkan lagi kualiti dan penggunaan perkhidmatan antarabandar KTMB pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN] BN-UMNO**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2014, KHAMIS

SOALAN : 19

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berdasarkan peruntukan RM100 juta kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS):-

- (a) berapakah jumlah usahawan Bumiputera khususnya di Kedah yang telah menerima manfaat peruntukan berkenaan ; dan
- (b) apakah pelan jangka masa panjang Kementerian bagi memastikan pengusaha PKS ini terus meningkatkan mutu produk/perkhidmatan mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

JAWAPAN :**Yang Di-Pertua,**

Berdasarkan peruntukan RM100 juta kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), bagi tahun 2014 MARA telah menerima peruntukan seperti berikut :

- i. RM50 juta bagi Skim Pembiayaan untuk Belia/Generasi Muda (PUTRA) di bawah Bajet Pembangunan RMKe-10
- ii. RM50 juta bagi program Pembangunan Keusahawanan Bumiputera daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Setakat September 2014, seramai 2,308 orang usahawan Bumiputera khususnya di Kedah telah menerima manfaat daripada peruntukan berkenaan.

Di antara pelan jangka masa panjang Kementerian melalui program yang dilaksanakan oleh MARA bagi memastikan pengusaha PKS ini terus meningkatkan mutu produk/perkhidmatan mereka ke peringkat yang lebih tinggi adalah seperti berikut :

- i. Program pembangunan Usahawan meliputi program latihan keusahawanan melalui program nilai tambah iaitu program peningkatan dan pengukuhan usahawan.
- ii. Program Pembangunan Standard Perniagaan untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat

dalam membangunkan perniagaan dan memenuhi keperluan piawaian standard.

- iii. Program Pembangunan Pemasaran untuk para usahawan mempromosikan dan meluaskan akses pasaran produk dan perkhidmatan sehingga ke peringkat global.
- iv. Program Pembangunan Insfrastruktur Perniagaan dengan menyediaan premis perniagaan dan perusahaan di kawasan terpilih untuk disewakan kepada usahawan mengikut kadar sewa yang bersesuaian.
- v. Program pembiayaan perniagaan kepada usahawan Bumiputera bagi memperkuatkan prestasi perniagaan.
- vi. Program pembangunan aktiviti reka bentuk produk usahawan supaya mempunyai nilai komersial di pasaran tempatan dan antarabangsa.

SOALAN (20)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ
[RAUB]**

SOALAN :-

**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN menyatakan :-**

- (a) bilakah pihak Kementerian akan memindahkan pusat pelupusan sampah di Cheroh Raub ke kawasan yang baru; dan
- (b) nyatakan langkah-langkah yang diambil buat sementara ini untuk meningkatkan keselesaan penduduk daripada bau busuk serta potensi ancaman "public health" untuk penduduk Raub khususnya di Cheroh.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat sementara waktu Kementerian tidak akan memindahkan tapak pelupusan di KM 12 Cheroh kerana tapak tersebut telah dinaiktaraf supaya boleh digunakan sehingga tahun 2015. Projek naik taraf tapak pelupusan tersebut telah dilengkapi dengan sistem rawatan *leachate* separa bagi mengurangkan pencemaran. Bagi mengurangkan gangguan bau busuk dari tapak pelupusan, operator tapak pelupusan telah diminta untuk menutup dengan tanah sisa pepejal yang dilupuskan setiap hari dan menggunakan semburan mikrob secara berkala.

Apabila tapak pelupusan di KM 12 Cheroh ditutup kelak, semua sisa pepejal daripada Raub sebanyak lebih kurang 30 tan/hari akan dipindahkan ke tapak pelupusan Sertik, Bentong bagi tempoh empat hingga lima tahun sementara menunggu tapak baru siap dibina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak pelupusan Sertik, Bentong telah dinaiktaraf ke tapak pelupusan sanitari Tahap 4 dan dilengkapi dengan sistem pengumpulan dan rawatan *leachate* serta *liner* (lapisan kalis air) serta mampu menampung sisa pepejal dari daerah Raub.

- b) Bagi penyelesaian jangka panjang, tapak bagi pembinaan kemudahan pelupusan sisa pepejal yang baru perlu disediakan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tanah seluas 100 ekar di Sungai Ara untuk dibangunkan sebagai tapak pelupusan baru. Walau bagaimana pun, keluasan tapak tersebut telah dikurangkan kepada 50 ekar sahaja kerana tapak yang dicadangkan tersebut terletak berdekatan dengan pertempatan orang asli. Namun begitu, topografi tapak yang berbukit dan berada di ketingginan 100 kaki dari aras laut berkemungkinan tidak begitu sesuai untuk dijadikan sebagai tapak pelupusan.

Sehubungan dengan ini, tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, JPM, Jabatan akan menjalankan kajian secara menyeluruh pada tahun 2015 termasuk mengenalpasti tapak-tapak yang bersesuaian, termasuklah tapak yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri di Sungai Ara, serta mengkaji teknologi-teknologi sisa pepejal yang bersesuaian di kawasan tersebut. Kajian juga akan melihat dari segi konsep membina kemudahan sisa pepejal secara berpusat iaitu pengkongsian penggunaan fasiliti bagi beberapa kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berdekatan.